

# Elak perbalahan – Najib

Um - 15/3/2007

Oleh FAUZI JAAFAR

**KUALA LUMPUR** 14 Mac – Datuk Seri Najib Tun Razak mahu pertikaian antara parti Gerakan dan Parti Progresif Penduduk (PPP) diselesaikan kerana ia boleh menjejaskan imej Barisan Nasional (BN).

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, pucuk pimpinan BN akan turut membincangkan isu itu dan meminta kedua-dua parti tersebut mencari penyelesaian supaya ia tidak berlarutan.

“Jadi saya rasa satu penyelesaian perlu dibuat untuk menenteramkan keadaan ini sebab kalau ada pertikaian dalam BN tentu sekali ia tidak menguntungkan imej parti,” kata beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di majlis Penyerahan Sumbangan Mangsa Banjir daripada Warga Awam Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan menerima sumbangan sebanyak RM143,720 untuk Tabung Bencana Alam Negara.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas satu ketetapan Pemuda Gerakan yang dibuat hari ini untuk memboikot semua acara yang dihadiri Presiden PPP, Datuk M. Kayveas.

Ini sebagai tindak balas terhadap kritikan Kayveas baru-baru ini terhadap Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

“Kita kena cari satu jalan penyelesaian dulu antara kedua-dua parti itu. Kami (pucuk pimpinan BN) akan mencari jalan dan membincangkan perkara itu,” katanya.

Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN berharap pertikaian antara kedua-dua parti komponen itu dapat ditenteramkan.

Menjawab soalan, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia tidak mungkin dapat melaksanakan Program



**NAJIB** Tun Abdul Razak memegang replika cek berjumlah RM143,720 sumbangan warga awam Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk Tabung Bencana Alam Negara bersama-sama (dari kiri) Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Sri Ahmad Latiff Hashim dan wakil Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara, Baharuddin Abdul Hamid di Kuala Lumpur, semalam.

Latihan Khidmat Negara (PLKN) selama dua tahun.

Katanya, tempoh latihan dua tahun itu merupakan cadangan dibangkitkan oleh seorang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Korea Selatan ketika beliau mengadakan lawatan kerja ke negara itu.

“Kita belum membuat apa-apa keputusan. Itu respons saya untuk satu pandangan dalam majlis dialog yang dibuat oleh seorang pelajar.

“Pelajar itu begitu kagum dengan nilai disiplin dalam kalangan rakyat Korea disebabkan kejayaan mereka membentuk di-

siplin teguh melalui program latihan khidmat negara berbentuk ketenteraan yang dijalankan untuk tempoh dua setengah tahun,” kata beliau.

Dalam konteks itu katanya, kerajaan tidak dapat melaksanakan program PLKN seperti di Korea Selatan.

**Gambar BERNAMA**